

Kenaikan kos sara hidup mendorong pengeluaran simpanan TH

- Bumiputera Islam B40 sentiasa mengeluarkan wang simpanan dari institusi perbankan termasuk TH sebagai alternatif terakhir untuk meneruskan kehidupan

- Kerajaan perlu menarik pelaburan bernilai tinggi yang mampu menawarkan pekerjaan bergaji lebih baik, sekali gus mengurangkan pergantungan rakyat kepada sektor pekerjaan bergaji rendah



Oleh Prof Madya Dr Ahmad Zubir Ibrahim
bhrencana@bh.com.my

Profesor Madya
Pusat Pengajian
Kerajaan,
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Sebanyak 53 peratus daripada 9.6 juta pendeposit Tabung Haji (TH) mempunyai baki simpanan kurang RM1,300 hingga 15,000 atau 50 peratus daripada 31,600 pendeposit yang menerima tawaran haji 2025 terpaksa menolak haji disedai.

Sudah pasti mereka adalah Bumiputera Islam berpendapatan rendah atau rentan (B40) yang menghadapi cabaran ekonomi dan tekanan hidup semakin mendesak hingga terpaksa menagih impian menunaikan Rukun Islam Kelima kerana keutamaan lebih tertumpu kepada kelangsungan hidup harian.

Tuntutan hidup semakin mencabar membawa kepada alternatif terakhir untuk mengeluarkan wang simpanan TH. Ini menunjukkan hubungan secara langsung antara pemilikan aset kehidupan dengan taraf hidup pendeposit Bumiputera Islam B40.

Aset kehidupan merujuk kepada segala sumber dan keupayaan dimiliki atau dikuasai individu atau isi rumah yang menyumbang kepada kelestarian, kesejahteraan dan peningkatan taraf hidup mereka.

Konsep ini merangkumi aset seperti manusia (kemahiran dan pengetahuan); fizikal (rumah serta kenderaan); kewangan (simpanan); semula jadi (sumber alam) dan sosial (hubungan dan rangkaian sokongan).

Pemilikan aset ini akan membantu dalam menyerap tekanan, mencapai matlamat dan memastikan kelangsungan hidup lebih baik pada peringkat individu mahupun komuniti. Kegagalan mencapai salah satu aset kehidupan, akan menjejaskan usaha mencapai kesejahteraan kehidupan.

Kegagalan memperoleh pendapatan tinggi disebabkan taraf pendidikan rendah, akan menjejaskan pencapaian aset kewangan, akhirnya mengakibatkan golongan ini terpaksa menggunakan wang simpanan, pajak barang kemas dan meminjam daripada saudara-mara sebagai antara strategi berdaya tahan kelangsungan hidup.

Tidak hairanlah Bumiputera Islam B40 sentiasa mengeluarkan wang simpanan dari institusi perbankan termasuk TH sebagai alternatif terakhir untuk meneruskan kehidupan. Keadaan ini mengakibatkan putaran ganas kemiskinan semakin menebal dan tiada noktahnya.

Berdasarkan kajian, rata-rata Bumiputera Islam B40 kurang menyimpan atau membuat tabungan secara tetap. Contohnya, pesawat mempunyai pendapatan secara bermusim, membuat simpanan bertujuan digunakan sebagai modal pusingan tanaman padi pada musim akan datang.

Peningkatan kos pengeluaran tanaman padi mengakibatkan mereka kurang memberi perha-



TABUNG HAJI
حي على الصلاه

tian kepada simpanan dalam jangka panjang termasuk untuk menunaikan haji.

Pada masa sama, Dapatan Utama Laporan Ranjau Sepanjang Jalan oleh UNICEF (2024) turut menjelaskan lapan daripada 10 isi rumah bergelut untuk menajana pendapatan mencukupi bagi menampung keperluan asas hidup, lebih tinggi berbanding tujuh daripada 10 seperti dilaporkan ketika pandemik.

Majoriti isi rumah, iaitu 90 peratus terkesan dengan kenaikan kos sara hidup, terutama harga makanan, manakala 50 peratus pula menganggap kedudukan kewangan semakin merosot berbanding 2022.

Bagi menangani kos sara hidup meningkat, terdapat keluarga bekerja lebih masa dan mengurangkan perbelanjaan termasuk makanan. Kanak-kanak yang kebanyakannya berhadapan masalah kesihatan, juga mengurangkan pengambilan makanan hingga ada yang makan kurang tiga kali sehari.

Ketiadaan kemahiran literasi kewangan menyebabkan ramai tidak mampu mengurus pendapatan secara teratur hingga mendorong perbelanjaan sentiasa melangkaui kemampuan sebenar, sekali gus menjerumuskan isi rumah ke dalam tekanan kewangan berterusan.

Tidak hairanlah 64 peratus rakyat Malaysia mendakwa hanya mampu menyimpan secara tetap untuk jangka pendek, sekali gus memperlihatkan realiti kewangan isi rumah membimbangkan.

Tahap kecairan kewangan rapuh

Simpanan dilakukan bukanlah untuk pelaburan atau persediaan jangka panjang, sebaliknya lebih perbelanjaan penanaman. Sementara bagi menampung keperluan bulanan, isi rumah berada pada paras rapuh kerana simpanan yang ada segera dikeluarkan untuk menampung kos sara hidup sebelum sampai ke bulan.

Antara faktor utama mendorong keadaan ini ialah peningkatan kos sara hidup mendadak, terutama dalam aspek perumahan, makanan, utiliti dan pengangkutan. Pada masa sama, pendapati majoriti isi rumah terutama B40 dan M40 yang rendah tidak mampu menampung perbelanjaan harian secara mampan.

In bertambah buruk dengan tahap literasi kewangan masih rendah dengan sebahagian besar tidak mengamalkan disiplin menyimpan untuk kecemasan atau melabur dalam instrumen kewangan jangka panjang.

Isu hutang isi rumah tinggi turut menekan kewangan rakyat kerana sebahagian besar pendapatan bulanan digunakan untuk membayar pinjaman perumahan, kenderaan dan kad kredit, akhirnya membawa kepada permasalahan muflis. Situasi ini memberi cabaran dari pelbagai sudut

dalam usaha kerajaan untuk memperkukuhkan pembangunan terangkum ke arah peningkatan mobiliti sosial. Ia tidak hanya tertumpu kepada pertumbuhan pendapatan periahan, namun mencakupi isu ketidaksamarataan peluang, termasuk akses kepada pendidikan, kesihatan dan perumahan serta dalam penciptaan kekayaan.

Isu kemiskinan masih lagi wujud, perlindungan sosial didapati tidak menyeluruh dan kurang berkesan, manakala pendekatan serta reka bentuk program intervensi sedia ada turut dibelenggu cabaran dari segi keberkesanan dan kemampanan

RMK13 perkukuh pengurusan kos sara hidup

Menyadari hakikat ini, Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) memperkukuhkan pengurusan kos sara hidup melalui pendekatan bersepadu mencakupi pelbagai aspek, terutama pendapatan dan perbelanjaan.

Dari sudut pendapatan, kerajaan boleh memberi penekanan kepada usaha peningkatan keupayaan rakyat untuk menajana sumber lebih mampan. Ia boleh dicapai dengan memperluas peluang pendidikan dan latihan semula kemahiran agar tenaga kerja bersedia dengan keperluan pasaran semasa, termasuk bidang teknologi digital, automasi dan ekonomi hijau.

Kerajaan perlu menarik pelaburan bernilai tinggi yang mampu menawarkan pekerjaan bergaji lebih baik, sekali gus mengurangkan pergantungan rakyat kepada sektor pekerjaan bergaji rendah.

Usaha menggalakkan keusahawanan juga wajar diperkasa melalui akses kepada modal, pembiayaan mikro, latihan perniagaan serta sokongan digital agar usahawan kecil dan sederhana dapat meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

Di luar bandar, kerajaan boleh memperkukuh sektor pertanian moden dan agroteknologi supaya golongan petani dan nelayan berupaya menajana hasil tamuan melalui nilai tambah produk mereka.

Dalam aspek perbelanjaan pula, kerajaan perlu memastikan rakyat tidak terbelanja dengan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan asas. Mekanisme kawalan harga barang keperluan utama seperti beras, minyak masak dan ayam perlu diperkukuh, manakala kos pengeluaran pula dikawal melalui penambahbaikan rantaian bekalan agar tidak berlaku lonjakan harga mendadak.

Subsidi bersasar juga penting bagi memastikan bantuan benar-benar sampai kepada golongan memerlukan, seterusnya mengelakkan pembaziran dan ketirisan sumber negara. Keterjaminan bekalan makanan serta perkhidmatan asas seperti pengangkutan awam, perkhidmatan mampu milik, pendidikan dan kesihatan perlu dijamin supaya rakyat dapat menikmati kos sara hidup lebih terkawal.

Pendekatan bersepadu ini menuntut kerjasama erat antara pelbagai kementerian dan agensi serta sokongan sektor swasta dan komuniti. Data bersepadu boleh dimanfaatkan untuk menyelaraskan subsidi dan bantuan secara lebih tepat, manakala indikator khusus seperti Indeks Kos Sara Hidup wajar dijadikan penanda aras dalam menilai keberkesanan dasar.